# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA 22 DISEMBER 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | BANJIR: PENTERNAK IKAN RUGI LEBIH RM400,000, ONLINE, ASTRO AWANI<br>IKAN KELI, PATIN RM400,000 DIHANYUT BAH, NASIONAL, BH -22<br>TERNAK UDANG KARA AIR TAWAR, GAYA AGRO, UM -24&25 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 4.<br><br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br><br>8.<br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br><br>13. | INVESTIGATION LAUNCHED ON IMPORTED BEEF WITH FAKE HALAL LABEL, ONLINE, SIN CHEW DAILY<br>RONALD KIANDEE: SHALL STRICTLY PENALISE VIOLATORS, REVOKE PERMITS, ONLINE, CHINA PRESS<br>MINISTER OF AGRICULTURE URGES TO CHECK ON FOOD STORAGE FOR NON-HALAL MEAT, ONLINE, GUANG MING DAILY<br>GANTUNG AP SYARIKAT BABIT KARTEL DAGING HALAL PALUSE – MAFI, ONLINE, HM<br>GANTUNG AP PIHAK BERSEKONGKOL, NASIONAL, BH -3<br>GANTUNG LESEN AP JIKA TERBABIT DENGAN KARTEL DAGING IMPORT HARAM, NASIONAL, SH -9<br>MAQIS DENIES INVOLVEMENT WITH MEAT CARTEL, NEWS/STORY OF THE DAY, NST -4<br>HORSE, KANGRAROO MEAT SOLD AS 'HALAL BEEF', NEWS/STORY OF THE DAY, NST -4<br>MINISTRY MAY SUSPEND IMPORT PERMITS OF FIRMS IN ILLEGAL ACTIVITY, NEWS/STORY OF THE DAY, NST -5<br>GANTUNG PERMIT IMPORT, LOKAL, HM -21 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 14. | MARDI DEVELOPED MOBILE APP HELPS PADDY FARMERS CULTIVATE BETTER CROPS, ONLINE, BUSINESS TODAY | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 15. | MISI BERGELAR JUTAWAN NANAS, BISNES, SH -30 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 16. | INDUSTRI WALIT MILIKI POTENSI BESAR, NEGERI KELANTAN, SH -28 | PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) |
| 17.<br><br>18. | RUBBER TAPPER COUPLE TURN FISHMONGER DURING MONSOON SEASON, NATION, THE STAR -9<br>NANAS ABANG BOMBA, LOKAL, HM -12 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/10/2020 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

**BANJIR: PENTERNAK IKAN RUGI LEBIH RM400,000**



**KUALA KRAI:** Seorang penternak ikan air tawar mengalami kerugian lebih RM400,000 apabila tiga daripada lima kolam ikan patin dan keli yang diusahakannya dihanyutkan arus deras akibat banjir sejak empat hari lepas.

Mohd Sharif Che Hak, 62, berkata keadaan itu disedari apabila air naik mendadak mencecah empat meter sehingga menyebabkan 80,000 ikan patin dan keli terlepas dari sangkar.

"Pada Jumaat lepas, kira-kira pukul 4.30 petang saya berada di wakaf yang terletak di kolam ini, dalam masa sejam air naik mendadak dan tidak mampu berbuat apa-apa...hanya mampu melihat saja ikan dihanyutkan arus deras.

"Setelah habis berusaha menutup pagar kayu petang tersebut, malamnya saya pulang ke rumah dan mengadakan solat hajat memohon pertolongan daripada Allah SWT supaya ikan di dua kolam lain selamat," katanya ketika ditemui di kolam miliknya di Kampung Kenor di sini pada Isnin.

Beliau berkata kejadian seumpama itu berulang lagi selepas yang pertama melanda kolamnya semasa banjir besar bah kuning pada 2014 hingga menyebabkan kerugian lebih besar sebanyak RM600,000 apabila enam kolam ternakan tenggelam menyebabkan 100,000 ekor ikan patin dan keli dihanyutkan air banjir.

Mohd Sharif yang juga pesara Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK) berkata beliau sudah menternak ikan-ikan tersebut sejak 12 tahun lepas dan dibantu anak kelimanya, Mohd Safuan, 28.

"Setiap bulan saya akan memasukkan 10,000 benih ikan bagi menampung permintaan daripada pemborong, pasar dan juga asrama sekolah di sekitar Kuala Krai.

"Pada hari biasa pula, saya menjual kira-kira 1,800 kilogram (kg) ikan keli dan tilapia kepada pemborong di Pasar Sri Guchil, Kuala Krai, namun ketika Ramadan permintaan terhadap ikan air tawar meningkat sehingga 3,000 kg sehari yang turut dipasarkan ke Gua Musang," katanya.

Bapa kepada enam anak dan 12 cucu itu berkata biarpun kecewa dan tidak dapat melupakan pengalaman dan kerugian yang ditanggung, apa yang terjadi bukan penghalang untuknya terus menjadi pengusaha ikan air tawar dan antara pembekal utama di sekitar Kuala Krai dan Gua Musang.

Beliau berharap agar kerugian yang dialaminya itu mendapat perhatian daripada Jabatan Perikanan Negeri dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 22 |

# Ikan keli, patin RM400,000 dihanyut bah

**Kuala Krai:** Seorang penternak ikan rugi lebih RM400,000 apabila keli dan patin yang diternaknya dihanyutkan banjir, sejak beberapa hari lalu.

Mohd Sharif Che Hak, 62, berkata kira-kira 80,000 keli dan patin diternak di tiga daripada lima kolamnya yang ditenggelami air bah.

Katanya, hujan lebat jam 4.30 petang Jumaat lalu, menyebabkan air melimpah masuk ke dalam kolam dan hanya sejam air naik sehingga empat meter menyebabkan dia tidak mampu berbuat apa-apa.

"Ketika itu, saya di wakaf berhampiran kolam dan hanya mampu melihat ikan keli dan patin dihanyutkan arus deras.

"Saya hanya mampu bertawakal kepada Allah, selain menunaikan solat hajat agar tidak semua ikan dalam kolam dihanyutkan arus memandangkan dua kolam lagi masih mempunyai ikan.

"Kejadian itu menyebabkan saya rugi ratusan ribu ringgit berdasarkan harga keli dan patin RM6 sekilogram," katanya di Kampung Kenor, di sini, semalam.

Mohd Sharif yang juga pesara Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK) berkata, setiap bulan dia memasukkan 10,000 benih ikan bagi menampung permintaan pemborong, pasar dan asrama sekolah di sekitar Kuala Krai.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA AGRO | 24 |

# Ternak udang kara air t

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS
gayautusan@mediamulia.com.my

BERMULA dengan minat memelihara hidupan marin seperti ikan dan kura-kura dalam akuarium, sepasang suami isteri kini menjadi penternak udang kara air tawar yang berjaya.

Segalanya bermula apabila Nor Wani Idayu Ab.Wahid,32, dan suaminya, Mohd.Fazli Abdul Rahim, 36, membeli beberapa ekor udang kara dengan harapan kesemuanya bertelur untuk dibiakkan.

Menurut Nor Wani Idayu, selepas beberapa bulan tiada tanda-tanda udang-udang kara tersebut bertelur maka beliau mengambil keputusan drastik untuk menggoreng kesemua lima ekor udang kara tersebut.

"Sudah ditakdirkan Allah SWT, semasa melihat udang-udang kara tersebut untuk dimasak salah seekor daripada lima ekor udang kara itu telah bertelur dalam jumlah yang banyak.

"Maka keputusan untuk memasak udang-udang tersebut dibatalkan. Seterusnya saya dan suami terus membiakkan udang-udang tersebut sehingga kini," katanya ketika ditemui

"Selain belajar dan mencari maklumat di internet, kami turut mengambil kursus membela udang hingga ke Puchong bagi memastikan usaha kami berhasil ke peringkat seterusnya."





ANTARA udang kara air tawar yang sudah sedia untuk dimasak dan dipasarkan.



HIDANGAN Udang Kara Air Tawar Special Leleh.

HIDANGAN Udang Kara Ai Tawar Special Leleh sedi untuk dihantar kepad pelanggan

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA AGRO | 25 |


# awar

di Kampung Delek, Klang, Selangor.

Nor Wani Idayu berkata, selepas hampir tiga tahun kini beliau dan suami yang sebelum ini bekerja dengan syarikat swasta dengan pendapatan bulanan yang agak memuaskan meninggalkan kerjaya tersebut.

Katanya, setelah beliau dan suami jatuh cinta dengan bidang penternakan udang kara tersebut, maka mereka berdua nekad untuk mengusahakan bidang tersebut sepenuh masa sehingga kini.

"Kami menggunakan modal yang ada untuk belajar sendiri bagaimana memastikan udang kara dapat hidup jika diternak di dalam bekas simpanan yang kami sediakan.

Hasil ilmu kejuruteraan elektrik yang saya pelajari semasa di universiti, saya aplikasikan untuk penyediaan persekitaran akuakultur untuk udang-udang tersebut membiak.

"Selain belajar dan mencari maklumat di internet, kami turut mengambil kursus membela udang hingga ke Puchong bagi memastikan usaha kami berhasil ke peringkat seterusnya," katanya.



NOR Wani Idayu (kanan) dan suaminya, Mohd. Fazli Abdul Rahim menyelenggara tempat pembiakan udang kara air tawar di rumah mereka. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

**AMBIL TEMPAHAN AYUBIE LOBSTER**

Nor Wani Idayu berkata, tanpa menoleh ke belakang lagi, beliau dan suami mula mengambil tempahan melalui syarikat mereka, Ayubie Lobster yang beroperasi di rumah mereka di Kampung Delek Klang.

Katanya, selain membekalkan udang kara segar, pihaknya juga mengambil tempahan masakan udang kara air tawar Special Leleh, Black Pepper, Butter Milk dan Tempura.

Kesemua tempahan katanya dibuat hasil promosi di Facebook dan kumpulan WhatsApp di samping promosi dari mulut ke mulut.

"Hasil daripada keuntungan menjual udang kara dengan harga sekilogram RM90 termasuk pesanan sajian udang kara air tawar saya dan suami membiakkan lagi udang kara tersebut di dalam bekas-bekas plastik dengan persekitaran kondusif untuk udang tersebut membesar.



"Tanpa menoleh ke belakang kami membesarkan kolam ternakan tanah di Rantau Panjang Klang dan menyewa gudang untuk menternak dengan kaedah di dalam bekas simpanan," katanya.

Jelasnya, kini kedua-dua lokasi sudah tidak beroperasi dan diserah kembali kepada tuannya atas sebab tertentu.

Kini kata Nor Wani Idayu, Ayubie Lobster membuka kolam baru di Bertam, Melaka dan segalanya berjalan lancar dan hasilnya sedia dituai bila-bila masa.

Sementara itu, Mohd. Fazli yang hanya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berkata, beliau terkilan dengan syarikat kewangan yang sukar memberi bantuan kewangan kepada usahawan seperti mereka.

Ujarnya, segala kos syarikat membina sistem pengairan, logistik termasuk bangunan di lokasi di kolam sebelum ini di Rantau Panjang didirikan dengan duit simpanan hasil berdikit-dikit membuat simpanan di bank.

"Alasan pinjaman ditolak adalah kerana akaun syarikat yang tidak menepati syarat-syarat bank. Geran juga sukar diperolehi disebabkan banyak syarat yang tidak menepati kehendak pemberi geran," katanya

Namun katanya, baru-baru ini terpancar sedikit sinar di dalam usaha mereka selama ini, apabila dianugerahkan sebagai finalis Ikon Agro Selangor 2020 oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Bagi pihak yang berminat membuat pesanan udang kara air tawar, boleh menghubungi mereka di talian 0182714643 (Fazli) dan 0182714953 (Ayu).



PELBAGAI jenis sajian udang kara air tawar yang menyelerakan.




FAZLI dan Nor Wani Ayuni menunjukkan udang kara di premisnya.

| Headline | Investigation launched on imported beef with fake halal label | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 22 Dec 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 268 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,072 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,216 |



# 查假清真標籤進口牛肉

## 羅納建迪：若屬實必嚴懲

（沙登21日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，有关当局应该彻查柔佛州士乃一家冷冻食品仓库（Gudang Kartel）被揭发疑涉及使用假清真标签进口牛肉事件，若查证确有此事就应该立即采取严厉行动对付涉及的商家。

他形容这是一起不应该发生的事，也涉及多个执法部门和政府机构，相当复杂。

"尤其是贸消部和关税局更应该时刻关注和监督这类事件，避免重复发生。"

罗纳建迪今日出席大马农业研究与发展局（MARDI）推介全国农业数码大会后，在新闻发布会上受询及上述案件的进展说："若真的有如新闻报道所说，该家食品仓库暗中使用假清真标签并操作了很多年，那这是一个很严重的问题，当局务必立即采取行动。"

他说，据了解，有关案件的进口牛肉，原本是一批运往第三国家的食品，只是刚好在在我国卸货（Offload），因此不受农业部的监督。

"农业部和马来西亚伊斯兰发展局（JAKIM）主要监督供国人消耗和食用的食品。"

他也说，至于有指责说不法分子涉及贿赂官员的事，他暂时也没有任何详情，就等当局展开调查工作再说。

### MyPadiManager 助管理种稻

较早时，罗纳建迪也在会上推介大马农业研究与发展局的另一项新技术——MyPadiManager，一个提供稻农有关稻米种植资讯和管理施肥的手机应用程式。

"这个手机apps将协助稻农管理稻米种植，能精准地提供农夫们有关种植的一切资讯，协助他们按照时间表去施肥，最终提高收成量。"

另一方面，部长也宣布大马农业研究与发展局荣获2020年马来西亚商业化年（MCY 2020）殊荣的两项企业大奖，一）四方形鱼饼和制作鱼饼的干燥盘（荣获社交企业家大奖）；二）Bio Booster肥料（荣获商业与研发安慰奖）。

出席今日活动者尚包括大马农业研究与发展局主席拿督莫哈末罗夫、马来西亚数字经济机构（MDEC）主席拿督莱士胡先及2020年全国农业数码大会筹委会主席花依莎。




罗纳建迪（左二）为MARDI一项新技术——MyPadiManager手机应用程式，并鼓励国内稻农善用。左一是花依莎，右起是莱士胡先及莫哈末罗夫。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ronald Kiandee: Shall strictly penalise violators, revoke permits | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 22 Dec 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A22 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 70 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,381 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,142 |



# 羅南建迪：將嚴厲對付 撤准證

（沙登21日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，如果持有肉类进口准证人士被发现与非法肉类进口集团串谋，当局将采取严厉行动对付，包括吊销准证。

他今日出席数码农业会议后说，一旦调查发现有人涉及此事，当局将会采取行动对付。

他说，当局仍在对此事展开调查。

Powered by: isentia

| Headline | Minister of Agriculture urges to check on food storage for non-halal meat | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 22 Dec 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A6 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 257 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,894 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,682 |






■罗纳建迪（左二）为MARDI一项新技术——MyPadiManager手机应用程式，并鼓励国内稻农善用。左为花依莎，右起是莱士胡先及莫哈末罗夫。

## 疑用假清真標籤進口牛肉

# 農長促徹查食品倉庫

（沙登21日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪说，当局应彻查柔佛州士乃一家冷冻食品仓库（Gudang Kartel）被揭发疑涉及使用假清真标签进口牛肉事件，若查证确有此事，便应该马上采取行动对付该商家。

他强调，这是不应该发生的事，也涉及多个执法部门和政府机构，尤其是贸消部和关税局更应时刻关注和监督此类事件，避免问题重演。

在他出席大马农业研究与发展局（MARDI）推介全国农业数码大会后，受询及上述案件的进展时表示，若真的如新闻报导所言，该家食品仓库暗中使用假清真标签操作多年，那当局务必要马上采取行动。"

据他得知，有关案件的进口牛肉，原是一批运往第三国家的食品，却刚好在我国卸货（offload），因此不受农业部的监督。

他解释，农业部和马来西亚伊斯兰发展局（JAKIM）主要是监督供国人消耗和食用的食品。"

"针对有指责说不法分子涉及贿赂官员的问题，我暂没任何详情，就待当局展开调查后再说吧。"

较早之前，罗纳建迪也在会上推介大马农业研究与发展局的另一项新技术——MyPadiManager，一个提供稻农有关稻米种植资讯和管理施肥的手机应用程式。

此手机apps将协助稻农管理稻米种植，并可精准提供农夫们有关种植的资讯，协助他们按时间表施肥，最终提高收成量。

此外，部长也宣布，大马农业研究与发展局荣获2020年马来西亚商业化年（MCY2020）殊荣的两项企业大奖，一）四方形鱼饼和制作鱼饼的干燥盘（荣获社交企业家大奖）；二）Bio Booster肥料（荣获商业与研发安慰奖）。

出席上述活动的尚包括大马农业研究与发展局主席拿督莫哈末罗夫、马来西亚数码经济机构（MDEC）主席拿督莱士胡先及2020年全国农业数码大会筹委会主席花依莎。（TKM）

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | HARIAN METRO | ONLINE | |

## GANTUNG AP SYARIKAT BABIT KARTEL DAGING HALAL PALSU – MAFI



Serdang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak teragak-agak menggantung pemberian permit import syarikat (AP) yang terbabit dengan kartel daging halal palsu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihak berkuasa harus menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap pihak yang bersekongkol dengan kartel berkenaan supaya isu sama tidak berulang lagi.

Beliau berkata, tangkapan mesti disegera kerana menyifatkan isu kartel daging halal palsu tidak wajar berlaku di negara ini kerana perlu menerusi banyak pihak antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Ya (gantung AP), kalau dibuktikan keterlibatan mereka. Sudah tentu tindakan akan diambil.

"Terserah kepada pihak berkuasa relevan untuk membuat tangkapan mengenai isu ini kerana merupakan satu isu yang tidak sepatutnya berlaku.

"Jadi pihak yang berwajib harus mengambil tindakan bagi membendung masalah ini yang tidak seharusnya berlaku. Ini kerana banyak agensi kerajaan terbabit tentu sekali (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan sebagainya harus sama membendung masalah ini supaya tidak lagi berulang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Pertanian Digital Kebangsaan di ibu pejabat Institut Penyelidikan Pertanian dan Kemajuan Malaysia (MARDI) di sini, hari ini.

Mengulas lanjut dakwaan pembabitan anggota penguatkuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan gerakan kartel itu, Ronald mengakui tidak tahu mengenai hal itu.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran bahawa sesiapa sahaja dari agensi atau pihak ada kaitan dengan kementerian yang bersekongkol dengan kartel terbabit akan berdepan tindakan.

Mengulas lanjut isu sama, Ronald berkata berdasarkan siasatan awal mendapati daging yang terkandung dalam konsainmen adalah untuk transhipment (pemunggahan).

Katanya, ia boleh diturun, dibuka dan dijual di pasaran negara.

"Ia bukan semestinya untuk negara ini tetapi untuk transit di Malaysia dan diekseport ke negara lain. Yang itu untuk dihantar keluar tetapi offload (diturunkan) di negara kita," katanya.

Tambahnya, MAFI mengawal pemberian lesen import daging dan keratan ayam yang diluluskan kementeriannya untuk kegunaan domestik.

Mengenai kilang atau loji pengeksport ayam dan daging di luar negara, beliau menjelaskan MAFI bersama JAKIM menjalankan audit dan pengawasan secara berskala dari segi halal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Gantung AP pihak bersekongkol

**Serdang:** Kerajaan akan menggantung pemberian permit import syarikat (AP) yang didapati terbabit dengan kartel daging halal palsu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pihak berkuasa harus menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap pihak yang bersekongkol dengan kartel berkenaan supaya isu sama tidak berulang.

Beliau berkata, tangkapan mesti disegerakan kerana isu kartel daging halal palsu tidak wajar berlaku memandangkan pengimportan perlu melalui banyak pihak termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Ya, gantung AP kalau terbukti pembabitan mereka (syarikat kartel).

"Terserah kepada pihak berkuasa berkaitan membuat tangkapan mengenai isu ini kerana ia yang tidak sepatutnya berlaku dan perlu dibendung.

"Agensi dalam rangkaian ini seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan yang lain perlu pastikan ia tidak berulang," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Pertanian Digital Kebangsaan di ibu pejabat Institut Penyelidikan Pertanian dan Kemajuan Malaysia (MARDI) di sini, semalam.

Ronald menegaskan, sesiapa sahaja daripada agensi atau pihak berkaitan kementerian itu yang didapati bersekongkol dengan kartel terbabit akan berdepan tindakan tegas.

Katanya, siasatan awal mendapati daging yang terkandung dalam konsainmen adalah untuk pemunggahan dan boleh diturun, dibuka dan dijual di pasaran negara.

"Ia bukan untuk negara ini tetapi untuk transit di Malaysia dan dieksport tetapi diturunkan di negara kita," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengawal pemberian lesen import daging dan keratan ayam yang diluluskan untuk kegunaan domestik.

Mengenai kilang atau loji pengeksport ayam dan daging di luar negara, beliau berkata, MAFI bersama JAKIM menjalankan audit dan pengawasan secara berkala dari segi halal.

Sementara itu, pihak yang mengesan manipulasi tanda halal didalangi kartel daging diminta menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam isu berkaitan isu halal dan haram.

Katanya, usaha sedemikian yang sering mengundang kontroversi dalam kalangan umat Islam akan turut dijalin menerusi tindakan bersepadu bersama agensi di peringkat negeri.

"Apa-apa terkait halal dan haram akan diambil tindakan tegas.

"Berikan laporan terperinci untuk memudahkan kami melaksanakan tugas dan kerajaan akan bekerjasama dengan negeri untuk mengambil keputusan berdasarkan isu seperti ini (halal dan haram)," katanya pada sidang media, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Gantung lesen AP jika terbabit dengan kartel daging import haram

**SERDANG** - Pemegang Permit Import (AP) yang terbukti bersekongkol dengan kartel daging import haram akan dikenakan tindakan tegas termasuk digantung lesen, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Buat masa ini, katanya, siasatan berhubung kartel daging import haram itu termasuk sekiranya terdapat pemegang AP dan penjawat awam terlibat sedang dijalankan oleh pihak berwajib.

"Biar siasatan dibuat dahulu dan apabila ia selesai, tindakan selanjutnya akan diambil ini termasuk menggantung AP sekiranya terbukti bersalah," katanya selepas merasmikan Persidangan Pertanian Digital Kebangsaan (DigAc) 2020 di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai tindakan yang akan diambil kepada pemegang AP sekiranya terlibat dalam kartel daging import haram.

FOTO: BERNAMA



**Ronald (kiri) menyampaikan Anugerah Juruteknik (Sains) Negara 2020 kepada Penolong Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Hasliana Kamaruddin (dua dari kanan) di ibu pejabat Mardi, Serdang pada Isnin.**

Menurutnya, isu penyeludupan daging import haram itu merupakan perkara yang serius dan perlu segera dibanteras.

Dalam pada itu, beliau menegaskan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sentiasa mengaudit daging dan ayam yang akan dibawa masuk ke negara ini bagi memastikan ia berstatus halal.

Sebelum ini, sebuah gudang syarikat daging sejuk beku di Taman Perindustrian Senai, Johor diserbu pihak berkuasa hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan menyeludup daging sejuk beku.

- *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | NST | NEWS/ STORY OF THE DAY | 4 |

# Maqis denies involvement with meat cartel

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) has denied involvement with a meat cartel that imports non-certified meat products and passes them off as halal products.

Director-general Saiful Yazan Alwi said it was cooperating with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) in a probe into a senior officer, who is allegedly acting as a go-between for the agency and the cartel.

"On our end, we don't compromise on integrity.

"If there are reports, we would have investigated them, but till today, there has been none.

"It might not be Maqis because there are a number of government agencies involved in matters concerning the entry point (for the import of meat).

"We are serious about this. If there are allegations that it was from our end, I can assure you we can control it as we don't have that many personnel."

Saiful said any party with information on the case may report it to MACC.

He said the imported meat could have been smuggled in through other means or channels.

"We cannot deny that even though the authorities have done their best, there is a risk of illegal channels elsewhere, making enforcement difficult."

Commenting on a raid by Maqis earlier this year on a meat cartel's operation in Johor, he said the syndicate might have changed its modus operandi or slowed down its operation.

He said regulations at the ports were sufficient, but possibly hampered by the involvement of irresponsible parties.

He said stringent checks at port areas also meant that those who entered the areas would have their MyKad details recorded.

"We can also cross-check the specifications and certified halal logos in the linked system with the certified countries."

The Customs Department pledged to launch an internal investigation into allegations that the cartel had engaged government officers to ensure that uncertified imported meat bypassed checks.

Its director-general, Datuk Abdul Latif Abdul Kadir, said the investigation would be carried out via its Internal Investigation and Integrity Units.

The probe, he said, would identify if there were rogue Customs officers aiding the meat cartel to smuggle non-certified meat into Malaysia.

"No compromise. Our Customs personnel are always reminded to stay away from corruption.

"Stern action will be taken against anyone involved," he said in a text message.

Following the report, he said, the department would improve its standard operating procedures to eliminate potential weaknesses.

"This effort is continuous."

However, when asked on which of the procedures was most at risk of abuse by its staff, he declined to elaborate.



Saiful Yazan Alwi

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/12/2020 | NST | NEWS/ STORY OF THE DAY | 4 |

SYNDICATE EXPOSÉ

# HORSE, KANGAROO MEAT SOLD AS 'HALAL BEEF'

Cartel buys cheap, low-quality meat and mixes it with halal-certified meat to avoid taxes

MOHAMED BASYIR
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE *New Straits Times'* exposé of the activities of a syndicate, which smuggled in non-certified meat and sold it in Malaysia as halal products, has unearthed more startling revelations.

The frozen meat imported by the cartel from non-certified countries is not limited to beef, but also includes horse meat and kangaroo meat.

These items would, upon arrival in Malaysia, be mixed with beef in warehouses nationwide run by the cartel before being sold to unknowing suppliers.

Sources told the *New Straits Times* that among the stock they bring in are kangaroo meat, horse meat and beef. However, the beef is from animals of poor quality or even diseased, so it is obtained at much lower prices.

"The cartel buys the meat at up to 50 per cent cheaper than meat obtained from certified slaughterhouses and processing plants.

"The meat would then be shipped to Malaysia and ferried out via trucks and lorries to cartel warehouses, where it is mixed with certified halal meat.

"Coupled with it avoiding taxes and the procedures involved in importing certified halal meat, the cartel stands to make a healthy profit," said a source.

It is understood that the cartel takes delivery of frozen imported meat at least three times a week from abroad.

The meat, imported from countries whose halal certifications are not recognised by Malaysian authorities, would arrive via ships at Malaysian ports.

According to the source, over 60 containers of these goods were brought in between November last year and April into Northport and Westport in Port Klang.

Upon arrival at the ports, the shipment would bypass checks and be made available for the market.

"We have determined that the cartel brings in 300 to 400 containers a month, which originate from non-certified processing plants as well as countries whose halal accreditations are not recognised by Malaysian authorities."

These, said the source, include Canada, Colombia, Ukraine, Uruguay, Spain, Mexico, Bolivia, Paraguay, Hong Kong and China.

Countries whose processing plants' halal accreditations are recognised by the Veterinary Services Department and Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) are Australia, Argentina, Brazil, India, South Africa, Pakistan, Japan, New Zealand and the United States.

The source said the loss in potential government revenue from the smuggling is estimated to be around RM1.5 million a month.

The source said corrupt government officers were willing to take bribes of between RM150 and RM3,000 to close their eyes to enable these cargoes to be released.

Officers on the ground, meanwhile, allegedly receive payouts of between RM150 and RM500 to release each container.

Each container, said the source, had about 25 tonnes of meat, which would be sent to the cartel's warehouses for repackaging and slapped with bogus halal stickers.

The products would be distributed to markets and wholesalers before being sold to consumers.

The NST yesterday frontpaged how senior and junior officers in at least four government agencies were bribed by the cartel to ensure that its supply of non-certified meat entered the country and bypassed checks.

A source told the NST that by importing non-certified meat and mixing it with meat from legitimate sources, the cartel profited from avoiding taxes and duties as well as the costs involved in the halal-certification process.

The report stated that the cartel's activities had been going on for 40 years.

The report detailed the cartel's years of operations meant that it had a solid system in place to ensure that the products, from the slaughterhouse until they leave the ports for the markets, escaped official scrutiny.

Jakim and the Veterinary Services Department are understood to be responsible for the certification and quality of the imported items.

The Malaysian Department of Quarantine and Inspection Services, Royal Customs Department and port police, meanwhile, are in charge of managing the supplies once they entered Malaysian ports.



*A customer looking at fresh meat sold at a shop in Kuala Lumpur.* PIC BY ASWADI ALIAS

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | NST | NEWS/ STORY OF THE DAY | 5 |

# Ministry may suspend import permits of firms in illegal activity

**SERDANG:** The Agriculture and Food Industries Ministry will not hesitate to suspend the import permits or Approved Permits (AP) of companies involved in the fake halal meat cartel.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the authorities should conduct a probe and take action against those who conspired with the cartel.

He said the arrests of those involved in the illegal activity must be expedited as the matter involved the quality and authenticity of halal meat in Malaysia.

He said approvals needed to go through many parties, including the Malaysian Islamic Development Department (Jakim).

"It is up to the authorities to make arrests as this should not have happened.

"The authorities should take action to curb this problem. This is because of the many government agencies that are involved.

"Of course, the agencies (Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, Customs Department and others) should also act on this problem."

Kiandee said this after opening the National Digital Agriculture Conference at the Malaysian Agricultural Research and Development Institute here yesterday.



*Containers of imported goods at Port Klang. Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee says the authorities should conduct a probe and take action against those who conspired with the cartel.* FILE PIC

Kiandee, however, denied knowledge of any possible involvement of Malaysian Quarantine and Inspection Services Department personnel with the cartel activities.

He said anyone from any agency or those affiliated with the ministry found to be conspiring with the cartel would face action.

He said an initial probe found that the meat consignment concerned was meant for transshipment.

"It (the meat) is not necessarily (meant) for this country, but undergoes transit in Malaysia and is exported to other countries.

"It's meant for outbound use (for markets abroad), but instead is offloaded in our country."

He said the Agriculture and Food Industries Ministry controlled the issuance of meat and poultry import licences for domestic use.

On factories or companies exporting poultry and meat, he said the ministry, together with Jakim, conducts scheduled audits and inspections of their adherence to halal code of practice.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/12/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

**KARTEL DAGING HALAL PALSU**

# Gantung permit import!

Oleh Fahmy A Rosli
am@hmetro.com.my

**Serdang**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) tidak teragak-agak menggantung permit import syarikat (AP) yang terbabit dengan kartel daging halal palsu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihak berkuasa harus menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap pihak yang bersekongkol dengan kartel berkenaan supaya isu sama tidak berulang lagi.

Beliau berkata, tangkapan mesti disegerakan kerana menyifatkan isu kartel daging halal palsu tidak wajar berlaku di negara ini kerana perlu menerusi banyak pihak antaranya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Ya (gantung AP), kalau dibuktikan keterlibatan mereka. Sudah tentu tindakan akan diambil.

"Terserah kepada pihak berkuasa relevan untuk membuat tangkapan mengenai isu ini kerana ia merupakan satu isu yang tidak sepatutnya berlaku.

"Jadi pihak yang berwajib harus mengambil tindakan bagi membendung masalah ini yang tidak seharusnya berlaku. Ini kerana banyak agensi kerajaan terbabit tentu sekali (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan sebagainya harus sama membendung masalah ini supaya tidak lagi berulang," katanya selepas merasmikan Persidangan Pertanian Digital Kebangsaan di ibu pejabat Institut Penyelidikan Pertanian dan Kemajuan Malaysia (Mardi) di sini, semalam.

Mengulas lanjut dakwaan pembabitan anggota penguatkuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan gerakan kartel itu, Ronald mengakui tidak tahu mengenai hal itu.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran sesiapa sahaja daripada agensi atau pihak ada kaitan dengan kementerian yang bersekongkol dengan kartel terbabit akan berdepan tindakan.

Dalam perkembangan sama, Ronald berkata, berdasarkan siasatan awal mendapati daging yang terkandung dalam konsainmen untuk *transhipment* (pemunggahan).

Katanya, ia boleh diturun dibuka dan dijual di pasaran negara.

"Ia bukan semestinya untuk negara ini, tetapi transit di Malaysia dan dieksport ke negara lain. Yang itu untuk dihantar keluar, tetapi *offload* (diturunkan) di negara kita," katanya.

Mafi mengawal pemberian lesen import daging dan keratan ayam yang diluluskan kementeriannya untuk kegunaan domestik.




## LABEL HALAL PALSU

*Johor mesyuarat Isnin sekat kemasukan daging tak sah*

Oleh Omar Ahmad
...@hmetro.com.my

...gama Islam Negeri Johor (JAINJ) ...serius isu kartel ...g menipu label ...an pembongka...

### Tahan pengurus lepas pulih dari demam

Kulai: Pengurus sebuah syarikat membekal makanan sejuk beku yang dipercayai terbabit dalam kegiatan kartel daging tipu label halal akan ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

...serta pihak berkuasa berhubung kartel daging di Taman Perindustrian Senai di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor, Nur Afifah A Rahman dan Pegawai Jabatan Kastam Diraja...

LAPORAN Harian Metro, 5 Disember lalu

## SPRM buka kertas siasatan

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor sudah membuka kertas siasatan berhubung isu penyeludupan daging import yang didedahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) baru-baru ini.

SPRM memandang serius perkara itu kerana ia membabitkan isu kepentingan rakyat khususnya umat Islam di negara ini.

Siasatan akan dijalankan mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Kerjasama beberapa agensi seperti KPDNHEP, Maqis dan Kastam Diraja Malaysia akan diperoleh.

Fokus siasatan adalah terhadap isu pemalsuan borang Kastam 1 iaitu pengisytiharan barangan import serta amalan rasuah dalam kalangan agensi terbabit.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan berhubung siasatan, tetapi meminta semua pihak untuk tampil memberikan maklumat bagi membantu siasatan.

Menurutnya, membincangkan isu ini di media massa akan menyukarkan siasatan SPRM dan sesiapa yang mempunyai maklumat diminta untuk tampil.

Media mendedahkan kegiatan kartel daging yang memberi rasuah terhadap pegawai kerajaan bagi membolehkan daging tidak halal dibawa masuk ke negara ini sejak 40 tahun lalu.

Ia menjadi isu apabila daging tidak halal ini menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk memperdaya pengguna Islam di negara ini.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/10/2020 | BUSINESS TODAY | ONLINE | |

## MARDI DEVELOPED MOBILE APP HELPS PADDY FARMERS CULTIVATE BETTER CROPS



Agritech is the next big thing in farming, while in the past the industry is seen as outdated or not for the younger more tech savvy generation, today many European and Japanese entrepreneurs are venturing into this field looking to transform it with innovation.

Over in Malaysia, similar initiatives are being taken by the Agriculture and Food Industry Ministry (MAFI) via its agency MARDI to get paddy farmers adopt new technology in managing the country's staple. As its known, Malaysia is not self sufficient on the commodity, we continue to import despite being one of the most vibrant rice producers in the past. But the interest is about to return among growers as global trend points to establishing a secure food source and adoption of modern innovation that is making farming woke once again.

This is where MARDI's role takes centerstage, the agency recently infused new ways of paddy farming with the development of the MyPadiManager mobile app, which has already helped 200 farmers to manage paddy cultivation in a more efficient and systematic manner.



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee pointed out that new application can provide an overview of the performance of the paddy cultivation, help farmers to set targets for the next planting season and lists planting activities as well as send notifications to the farmers regarding their crops.

"This application can increase the compliance rate of paddy cultivation activities according to best practices for each paddy variety planted," he added.

With every industry seeking to transform digitally, the agriculture field is ripe for a massive overhaul, technology is being used in advance level globally for higher yield, better crops and now automation is finding its way into the industry. The Minister has rightly said that our agriculture farmers needed to be more aggressive to gain more knowledge in digital agricultural technology, noting that 70 per cent of food production is highly dependent on modern technological innovations.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | BERITA HARIAN | BISNES | 30 |

# Misi bergelar jutawan nanas

Alex beralih dari dunia korporat ke bidang tani

**KUALA LUMPUR**

Tanpa modal, tanah atau pengetahuan dalam pertanian, N Navanith Pillay, 34, nekad beralih dari dunia korporat ke sektor pertanian apabila melihat masa depan bidang itu jauh lebih cerah daripada kerjaya diceburinya.

Pengarah Urusan NP Asia Sdn Bhd serta Rakyat Media Industries Sdn Bhd itu berkata, beliau terlibat dalam industri penerbitan dan pengiklanan selama 10 tahun.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Alex berkata, syarikatnya menerbitkan beberapa direktori khas untuk kementerian dan jabatan kerajaan, selain beliau menjadi seorang penasihat bagi beberapa syarikat pengurusan tanaman di negara ini.

"Dengan menjadi penerbit dan penasihat, saya dapat mengenali industri pertanian dan asas tani secara mendalam sehingga timbul minat dalam diri untuk menceburi dunia ini.

"Pada Mei tahun lepas, saya mula mencari maklumat berhubung pertanian di Google dan YouTube bagi mendapatkan informasi mengenai bagaimana menjadi seorang jutawan pertanian," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Alex menjelasan, tertarik dengan satu maklumat berhubung penanaman nanas MD2 sebagai sumber kekayaan baharu, beliau segera merujuk kepada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Selangor bagi mendapatkan khidmat nasihat awal.

Berbekalkan modal permulaan kira-kira RM300,000, beliau mula mengusahakan 10 hektar tanah di sebuah ladang di Bestari Jaya, Kuala Selangor iaitu di kawasan Selangor Fruit Valley di bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor.



Alex gigih mengusahakan 10 hektar tanah tanaman nanas MD2 sebagai sumber pendapatan baharunya.

Menerusi kertas kerja yang dihasilkan, Alex berjaya meyakinkan LPNM dan memperoleh 50,000 sulur (benih) nanas secara percuma dan Jabatan Pertanian Daerah Gombak pula membantu membuat ujian kesuburan tanah tanpa mengenakan sebarang caj.

Alex kemudiannya menghadiri kursus dengan syarikat perunding pertanian, Presica Sdn Bhd untuk mendalami ilmu penanaman nanas dan syarikat itu bersedia menjadi perunding dengan bayaran minimum.

Beliau turut mendapatkan khidmat nasihat selain menghadiri pelbagai kursus dianjurkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan berkat kegigihannya, Alex dijangka akan menikmati hasil tuaian pertamanya April tahun hadapan.

Alex berkata, beliau bersyukur segala urusannya dipermudahkan dan turut terpilih sebagai penerima Geran Agropreneur Muda 2020 Fasa 1 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk golongan belia bawah 40 tahun.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | SINAR HARIAN | NEGERI KELANTAN | 28 |

# Industri walit miliki potensi besar

## Projek burung walit Lembah Pergau akan dikembangkan

Oleh SITI FATIHAH AWANG

JELI

Kerajaan Kelantan yakin projek sarang burung walit di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembah Pergau dapat dikembangkan dan diperluaskan lagi tahun hadapan.

Exco Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pihaknya optimis sekurang-kurangnya dua buah lagi rumah burung walit boleh dibangunkan di kawasan tersebut.

"Dengan bantuan kerajaan negeri dan kerajaan Pusat, kita akan cuba bangunkan lagi kawasan ini memandangkan ia sudah berpotensi untuk produk burung walit.

"Nama produk ini juga akan berkembang di seluruh negara. Kita jangkakan pada tahun 2021, kita boleh mulakan perbincangan dan persiapan untuk kembangkan projek dan sebagainya," katanya di sini pada Isnin.

Terdahulu, Tuan Mohd Saripudin hadir menyampaikan pengagihan keuntungan projek tersebut melibatkan jumlah keseluruhan RM32,868 kepada peserta-peserta terlibat.



Tuan Mohd Saripudin (tengah) meluangkan masa selama satu jam meninjau rumah burung walit di kawasan Lembah Pergau di Jeli pada Isnin.

Turut hadir, Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kelantan, Mohd Hanifa Awang Su dan Adun Kuala Balah, Datuk Abdul Aziz Derashid.

Mengulas lanjut, Tuan Mohd Saipuddin berkata, setiap peserta akan menerima agihan tunai berjumlah RM996 seorang.

Pada tahun ini, katanya, ia merupakan kali kelima PPK Lembah Pergau mengagihkan keuntungan projek kepada pesertanya.

Menurutnya, kerajaan negeri berharap projek seperti itu dapat diperluaskan lagi bagi membantu golongan berpendapatan rendah di kawasan tersebut.

"Projek ini melibatkan seramai 33 peserta yang terpilih dari senarai eKasih dalam kalangan ahli Pertubuhan Peladang berkenaan. LPP memperuntukkan RM313,500 kepada PPK Lembah Pergau untuk pembinaan rumah burung itu dan ia telah mula beroperasi sejak tahun 2013.

"Pihak kami menyokong penuh usaha ini kerana industri walit mempunyai potensi yang besar di kawasan Lembah Pergau. Ia dijangka terus berkembang dan boleh menjana ekonomi masyarakat setempat," katanya.

Untuk rekod, industri sarang burung walit merupakan antara projek berimpak tinggi yang mendapat permintaan tinggi daripada China.

Malaysia merupakan negara pengeksport kedua terbesar selepas Indonesia.

Nilai eksport sarang burung walit Malaysia dijangka meningkat kepada RM3 bilion menjelang akhir tahun 2020.

Pada majlis sama beliau turut menyampaikan Agihan Bantuan Khas Kit Makanan Asas yang disumbangkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) kepada 100 ahli PPK Lembah Pergau yang terkesan akibat Covid-19.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | THE STAR | NATION | 9 |


# Rubber tapper couple turn fishmonger during monsoon season

**PASIR MAS:** The monsoon season is the most unfavourable time of the year for most rubber tappers, but for Nazita Hamat and his wife Siti Noor Hanafi, it is when they "make money".

Come monsoon season, the couple turn into fishmongers.

"The monsoon season is the time for us to generate extra income by selling freshwater fish," said Siti Noor, 46, when met at her fish stall along Jalan Pasir Mas-Rantau Panjang, near here, in Kelantan.

She said the family was able to earn some RM500 daily through sales of between 200kg and 300kg of freshwater fish.

Siti Noor said she and her 49-year-old husband started selling freshwater fish during the monsoon season 10 years ago, and now their sons, Muhammad Farhan Asri, 16, and Muhammad Fitri, 15, help out at the stall.

However, in Kuala Krai, it's a different story for freshwater fish farmer Mohd Sharif Che Hak in Kampung Kenor, who suffered more than RM400,000 in losses when thousands of the patin fish and catfish he had been rearing in ponds escaped following floods in the area over the past few days.

The 62-year-old said he lost about 80,000 fish when they were swept away by floodwaters on Friday – the second time he had suffered losses.

During the 2014 floods, he lost about 100,000 fish worth RM600,000.

Mohd Sharif, a government retiree, hopes the relevant authorities will look into his situation.

Meanwhile, Kelantan Mentri Besar Datuk Ahmad Yakob has reminded those in flood-hit areas to cooperate with the authorities by complying with directives.

He said this when met by reporters at Kompleks Darul Naim in Kota Baru yesterday.

Over in Pahang, the flood situation improved and evacuees at two temporary relief centres (PPS) in Kuantan and Jerantut were allowed to return home yesterday.

The Drainage and Irrigation Department also reported that as of 3.40pm, Sungai Pahang in Lubuk Paku, Maran, was at the alert level while Sungai Pahang in Sungai Yap, Jerantut, and Sungai Lepar, Kuantan, were at the warning level.

Four other rivers at the alert level were Sungai Tembeling in Kuala Tahan, Jerantut; Sungai Pahang in Lubuk Pasu, Temerloh; and Sungai Belat and Sungai Kuantan in Kuantan. — Bernama



**Catch of the day:** Siti Noor and Nazita cleaning the freshwater fish for sale at their stall in Pasir Mas. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 12 |



SEJUMLAH 3,000 pokok nanas di tanah seluas 0.5 hektar di belakang balai bomba.

# Nanas Abang Bomba

## *Buah dijangka matang bulan depan akan dijual di media sosial*

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my







ANGGOTA bomba turut menanam herba dan sayur-sayuran.

**Alor Setar**

Projek tanaman nanas yang diusahakan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Alor Setar di sini, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu mula membuahkan hasil.

Ketua BBP Alor Setar, Timbalan Penguasa Bomba Ahmad Naufal Abdullah berkata, mereka menggunakan dana sedia ada untuk menjalankan projek tanaman nanas di tanah berkeluasan 0.5 hektar di belakang balai berkenaan.

"Alhamdulillah, dengan menggunakan kemahiran anggota BBP sendiri, setakat ini sudah ada 3,000 pokok nanas di sini dan sebahagiannya sudah mengeluarkan buah.

"Nanas ini dijangka matang pada bulan depan dan kami bercadang untuk menjualnya dan membuka tempahan kepada orang awam melalui laman sosial di Facebook Bomba Alor Setar," katanya ketika ditemui di BBP Alor Setar di sini, semalam.

Menurutnya, anggotanya turut mengusahakan tanaman lain seperti pokok tin, serai, terung, kacang botol, cili, ubi kayu, tebu, labu dan pisang di samping menternak ayam gajah, arnab, ikan puyu serta 400 ikan talapia.

"Kami juga menanam pelbagai pokok herba di Taman Astakona serta santuari ular untuk pameran kepada pengunjung yang datang ke balai kami.

"Setakat ini, perbelanjaan membeli makanan ikan dan ayam serta baja menggunakan dana sendiri. Apabila hasil tanaman dijual nanti, kita akan buat pusingan modal untuk mengusaha tanaman lain untuk menjana pendapatan sampingan," katanya.